**946/1**

**PERCUBAAN STPM 2009**

# PENGAJIAN PERNIAGAAN

## KERTAS 1

**( 3 jam )**

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SETARA STPM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS TAHUN 2009

**Arahan kepada calon:**

*Jawab* **empat** *soalan sahaja:* **semua** *soalan dalam Bahagian A dan* **dua** *soalan dalam Bahagian B.*

*Semua kerja penghitungan hendaklah ditunjukkan dengan jelas.*

*Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung* [ ].

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada 4 halaman bercetak**

© Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan 2009

## Bahagian A

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. a) Berikan maksud *tanah* dalam konteks faktor pengeluaran. [ 2 ]

b) Bezakan aktiviti perniagaan perkhidmatan jenis *borong* dengan *runcit.* [ 3 ]

c ) Berikan definisi *pengurusan.* [ 3 ]

d) Galurkan proses pengorganisasian. [ 3 ]

e) Jelaskan konsep kaedah kawalan awalan, semasa dan selepas merujuk kepada proses pengeluaran. [ 3 ]

f) Menurut Philip Kotler sesuatu *produk* harus merangkumi tiga komponen utama. Perihalkan **tiga** komponen tersebut. [ 3 ]

g) Huraikan jenis *pengeluaran secara berkelompok.* [ 2 ]

h) Jelaskan **dua** kelebihan *sumber dalaman* untuk mengisi kekosongan sesuatu jawatan dalam sesebuah organisasi perniagaan. [ 2 ]

i) Huraikan kemahiran pengurusan berikut;

i. kemahiran teknik
ii. kemahiran konsep [ 2 ]

j) Nyatakan **empat** elemen utama faktor *kejayaan seimbang.* [ 2 ]

2. a ) Huraikan **tiga** sebab mengapa sesebuah perniagaan melakukan penyelidikan pemasaran. [ 6 ]

b ) Nyatakan objektif utama *pengurusan logistik.* Huraikan dengan ringkas **lima** elemen utama suatu sistem logistik. [ 12 ]

c ) Jelaskan **empat** jenis kos yang berkaitan dengan pengurusan kualiti. [ 7 ]

## Bahagian B

*Jawab* **dua** *soalan sahaja.*

3. a ) Berikan definisi *perniagaan.* [ 3 ]

b ) Jelaskan pengaruh *ekonomi* dan *teknologi* terhadap operasi perniagaan. [ 6 ]

c ) i. Huraikan **lima** aktiviti perniagaan jenis *pengeluaran.*
ii. Bezakan antara tahap perniagaan *huluan* dengan *hiliran.* [ 16 ]

4. a ) Berikan definisi *perancangan* dan huraikan **tiga** kepentingan perancangan kepada perniagaan. [ 9 ]

b ) Jelaskan konsep-konsep *pengorganisasian* berikut:

i. akauntabiliti
ii. tanggungjawab
iii. penugasan autoriti [ 6 ]

c ) Bincangkan **lima** amalan oleh seorang pengurus yang berupaya mencetus motivasi dalam kalangan pekerja menurut *Teori Dua Faktor Herzberg.* [ 10 ]

5. a ) Jelaskan **empat** ciri-ciri suatu *objektif perniagaan.* [ 6 ]

b ) Huraikan tentang *penjabatanan struktur divisyen.* [ 7 ]

c ) Perihalkan **enam** ciri-ciri suatu *sistem kawalan* menyeluruh yang disarankan oleh Schermerhorn (1996). [12 ]

6. a ) Berikan maksud *pemilihan pekerja* serta perihalkan proses yang terlibat dalam pemilihan pekerja. [ 10 ]

b ) Nyatakan **empat** fungsi utama *kesatuan sekerja.* [ 4 ]

c ) i. Huraikan **tiga** peranan insurans.
ii. Salah satu *Prinsip Insurans* ialah 'prinsip ganti rugi', terangkan prinsip tersebut. [ 11 ]

7. a ) Bincangkan **lima** faktor yang boleh mempengaruhi *pembuatan keputusan.* [ 10 ]

b ) En Rahim adalah pemilik dan pengurus kilang yang mengeluarkan pelbagai jenis kasut kulit dan kanvas. Kilang Kasut Rahim beroperasi di Tapak Industri Ringan, Tampin. Sejak kebelakangan ini kilang kasut En Rahim sering mengalami masalah produk akhir yang tidak mematuhi piawai. Akibat dari ini timbul kuantiti besar produk akhir yang tidak dapat dipasarkan. Antara piawai yang berkaitan termasuk saiz kasut yang tidak tepat, cetakan jenama kasut yang kurang jelas dan tebukan lubang tali kasut yang tidak sempurna. En Rahim tidak pasti tentang pendekatan yang sesuai untuk menyelesaikan masalah ini. Anda dikehendaki memberi satu taklimat tentang penggunaan kaedah *Analisis Tulang Ikan* kepada En Rahim dan beberapa pekerja kanan kilangnya agar mereka dapat mengaplikasikan kaedah ini untuk cuba menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi. [ 12 ]

c ) Berikan definisi *pembuatan keputusan.* [ 3 ]

8. a ) Senaraikan dan jelaskan **empat** tanda-tanda yang sering menonjol pada individu yang sedang menghadapi ketegangan. [ 6 ]

b ) Huraikan **tiga** langkah-langkah yang boleh di laksanakan oleh organisasi dan **tiga** langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh individu ke arah *pengurusan ketegangan.* [ 9 ]

c ) Berikan takrif *tabii* yang diperkenalkan oleh Stephen R. Covey.
Huraikan dengan ringkas mana-mana **empat** dari Tujuh Tabii Individu yang Sangat Efektif, oleh Stephen R. Covey. [ 10 ]